



NEWSLETTER


Disediakan oleh:

EZATUL NISHA ABDUL RAHMAN
Timbalan Pengarah Kanan, BPPD

FERTILITI DAN MORTALITI: PERALIHAN DEMOGRAFI MALAYSIA

KELAHIRAN

Pertumbuhan penduduk bagi sesuatu negara bergantung kepada bilangan kelahiran



FERTILITI

Bilangan sebenar kelahiran dan kesuburan (*fecundity*) bagi kemampuan seseorang wanita untuk melahirkan anak.

Indikator Fertiliti:

- Kadar Kelahiran Kasar (CBR)**
Nisbah bilangan kelahiran hidup kepada jumlah penduduk (biasanya bagi setiap 1,000 penduduk).
- Kesuburan Jumlah (TFR)**
Purata bilangan anak yang akan dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh reproductifnya (15-49 tahun).
- Kadar Kesuburan Umur Tertentu**
Nisbah bilangan anak kepada jumlah wanita dalam kumpulan umur tertentu (biasanya bagi setiap 1,000 wanita).

Kelahiran akan menentukan struktur umur di sesebuah negara



Kelahiran yang tinggi









Struktur umur yang lebih muda



Kelahiran yang rendah

Dalam jangka masa panjang akan mengakibatkan ramai warga emas (isu penuaan)


Struktur Penduduk Malaysia 1970 - 2030



Sumber: Anggaran dan Unjuran Penduduk Malaysia




Kadar Kelahiran Kasar Malaysia (CBR), 1980 - 2018



01

Kadar kelahiran kasar dan bilangan kelahiran menurun pada 2018. Kadar kelahiran kasar (CBR) mencatatkan penurunan daripada 30.6 (1980) kepada 15.5 (2018) bagi setiap 1,000 penduduk. Ia seiring dengan penurunan bilangan kelahiran yang direkodkan pada 2018. Bilangan kelahiran hidup yang dicatatkan pada 2018 adalah 501,945, menurun 1.3 peratus berbanding 508,685 pada 2017.


Kadar Kesuburan Jumlah (TFR), Malaysia, 1970-2018



02

TFR menurun sejak 28 tahun yang lalu dan mencatatkan penurunan daripada 4.0 bayi pada 1980 kepada 1.8 bayi pada 2018. TFR bagi Malaysia telah mencapai di bawah paras penggantian 2.1 sejak 2013 yang menunjukkan bahawa purata bilangan bayi yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh kesuburannya tidak mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya.

Kadar Kesuburan Jumlah Mengikut Kumpulan Etnik Utama, Malaysia, 2009-2018



03

Penurunan TFR bagi semua kumpulan etnik utama di Malaysia bagi tempoh 2008 hingga 2017, Bumiputera konsisten mencatatkan TFR melebihi paras penggantian. Manakala, etnik Cina dan India berada di bawah paras penggantian. TFR tertinggi dicatatkan oleh Bumiputera iaitu 2.4 bayi diikuti oleh India (1.3) pada 2018. Etnik Cina mencatatkan kadar kesuburan terendah iaitu 1.1 bayi bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.

Sumber: Perangkaan Utama 2019

Fertiliti dipengaruhi oleh:

Dasar Kerajaan

Struktur Umur

Status Sosio - Ekonomi

Sosio - Budaya

2

MORTALITI

Komponen penting dalam kependudukan untuk mengkaji bilangan dan kadar kematian



Indikator Mortaliti:

Kadar Kematian Kasar (CBR)

Nisbah bilangan kematian kepada jumlah penduduk (biasanya bagi setiap 1,000 penduduk).

Mortaliti > Fertiliti

- saiz penduduk akan mengecil
Contoh: Negara yang berlaku peperangan, sentiasa berlaku bencana alam seperti gempa bumi, banjir besar, ribut taufan dan lain-lain

Mortaliti < Fertiliti

- saiz penduduk bertambah
Contoh: Negara yang mempunyai kadar kesuburan yang masih tinggi (iaitu atas paras pengantian)

Istilah Mortaliti



Kelahiran mati dan kematian bayi yang berumur kurang daripada satu minggu. **Kematian Perinatal.**

Kematian bayi yang berumur kurang daripada 28 hari. **Kematian Neonatal.**

Kematian bayi yang berumur kurang daripada satu tahun **Kematian Bayi.**

Kematian kanak-kanak yang berumur 1-4 tahun. **Kematian Kanak-kanak**

Kematian bayi dan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 5 tahun. **Kematian Di Bawah 5 tahun.**

Kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin **Kematian Ibu bersalin.**

Sebab Kematian Utama

Ischaemic heart diseases merupakan sebab kematian utama penduduk Malaysia, 2018



- 15.6 % *Ischemic heart diseases*
- 11.8 % *Pneumonia*
- 7.8 % *Transport accidents*
- 3.7 % *Cerebrovascular disease*
- 2.6 % *Chronic lower respiratory diseases*



Lima (5) sebab kematian utama ini menyumbang 41.5 peratus daripada sebab kematian yang disahkan pada 2018

Nota: Disahkan (*Medical Certified*)

Kematian Dan Kadar Kematian Kasar, Malaysia, 2009-2018



04


Kadar kematian kasar (CDR) kekal pada 5.3 bagi setiap 1,000 penduduk pada 2017 dan 2018. Manakala bilangan kematian menunjukkan trend meningkat kepada 172,031 pada 2018 berbanding 168,168 pada 2017 dengan peningkatan 2.3 peratus.

Sumber: Perangkaan Utama, 2019 dan Sebab Kematian Malaysia 2019



Kadar kematian kasar mengikut kumpulan etnik utama, Malaysia, 2009-2018

05




CDR bagi semua kumpulan etnik utama pada 2018 meningkat berbanding 2017. Etnik India mencatatkan kadar tertinggi pada 2018 iaitu 7.2 bagi setiap 1,000 Penduduk diikuti Cina (6.7) dan Bumiputera (5.4).

Sumber: Perangkaan Penting 2019

PERBANDINGAN CBR, CDR DAN TFR BAGI NEGARA TERPILIH

Indonesia (2.3) dan Philippines (2.6) telah mencatatkan TFR di atas paras penggantian. Ini adalah selari dengan CBR yang tinggi yang direkodkan bagi kedua-dua negara tersebut. Manakala Korea Selatan telah mencatatkan TFR yang paling rendah (1.0) dengan CBR 6.4.

Kadar kelahiran kasar, kadar kematian kasar dan kadar kesuburan jumlah mengikut negara terpilih, 2018



Fasa Transisi Demografi terdiri daripada 4 (empat) fasa dan Malaysia berada di Fasa 3:

FASA 1

High Stationary

Kadar Fertiliti Tinggi
Kadar Mortaliti Tinggi.

FASA 2

Early Expanding

Kadar Fertiliti Tinggi
Kadar Mortaliti Rendah (*Falls Rapidly*).

FASA 3


Late Expanding

Kadar Fertiliti Rendah (*Falling*)
Kadar Mortaliti Rendah (*Falls Slowly*)

FASA 4

Low Stationary

Kadar Fertiliti Rendah
Kadar Mortaliti Rendah



Fasa 1

1911-1921

Kadar Kematian (CDR) adalah lebih tinggi berbanding kadar kelahiran (CBR) dengan jumlah penduduk pada tahun 1921 adalah hanya 2.9 juta.

Fasa 2

1922-1957

Perkembangan positif apabila kadar kelahiran melebihi kadar kematian. Kadar kelahiran pada tahun 1957 adalah 46.2 dan kadar kematian adalah 12.4 dengan jumlah penduduk semasa kemerdekaan adalah seramai 6.3 juta orang.

Fasa 3

1957- kini

Kadar kelahiran mulai menurun manakala kadar kematian mulai stabil. Jumlah penduduk pada 2019 adalah 32.6 juta peningkatan sebanyak 5 kali ganda berbanding tahun 1957, dengan kadar kelahiran adalah 15.5 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dan 5.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya plawalan pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

